

UMS akhiri Jelajah Puisi Merdeka Keluarga Malaysia 2022

UB 29.09.2022 P.02

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan program Jelajah Puisi Merdeka Keluarga Malaysia 2022 yang juga jelajah penutup bersempena sambutan Hari Malaysia di Galeri Azman Hashim UMS (GAH-UMS) di sini baru ini.

Program ini menampilkan pemuisi dan penyanyi lagu puisi yang didatangkan dari Semenanjung dan Sabah.

Antara yang mendeklamasikan puisi ialah Presiden Institut Kepimpinan Kamarazaman (IKK) Kamaruzzaman Yaakob dengan puisinya 'Numbak dan Warga Tanpa Kartunya'; Prof. Madya Dr. Jessica Ong Hai Liaw (Wajah-wajah Sabah); Dr. Raja Rajeswari Seetha Raman (Pohon Malaysia di Taman Merdeka); Aya Rohaiyah (Mekar Sejahtera Halaman Tercinta); dan Razali Mohd Yussof (Tanah dan Langit Tanah Air).

Staf UMS yang turut men-

galunkan puisi ialah Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP) Dr. Jurry Foo (Simpan Laungan itu); Timbalan Pendaftar Kanan Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) Masri Judah (Setiaku Menunjangi Harapanmu, Negaraku); Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan Noorishah Taljid (Monolog Merdeka Bukan Sekadar Nama); dan penampilan khas pelajar orang kelainan upaya (OKU) UMS Malumis Maratis (Sunyi Sepi Tiada Suara).

Sementara itu, penonton turut disajikan dengan lagu-lagu puisi yang didendangkan oleh Ahmad Ramli (Sajak untuk Pun Mariam dan Maya), Norimah Muhammad atau dikenali sebagai Abot (Dalam Kelas Sejarah dan Lapangan Merdeka) serta Pengarah GAH-UMS, Dr. Mohammad Puad Bebit (Anak Bangsa Merdeka dan Bujang Trang Tang Tang) yang terkenal menerusi sajak

jenaka (Sajen) serta persembahan hiburan daripada pelajar seni muzik, Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF) UMS.

Kamarazaman berkata, acara pembacaan puisi ini adalah sebahagiannya untuk memartabatkan bahasa Melayu.

"Puisi adalah satu bentuk bahasa yang sangat tinggi dengan bahasa puisinya yang mampu menceritakan sesuatu isu atau soalan yang dapat diringkaskan di dalam puisi ataupun sajak.

"Program ini juga untuk mewarnaikemerdekaan yang mana Keluarga Malaysia adalah satu falsafah yang telah dilontarkan oleh Perdana Menteri. Beliau menyatakan jangan menggali perbezaan tetapi mencungkil kesamaan yang membawa makna rakyat Malaysia dapat menjalin hubungan tanpa ada garis sempadan.

"Jelajah puisi ini adalah untuk melanjutkan falsa-



CENDERAMATA: Raman (tengah) menyampaikan cenderamata kepada Bung Zaman.



PUISI: Puad menyampaikan lagu puisi bertajuk 'Bujang Trang Tang Tang' yang menambat hati penonton.

fah yang dilontarkan oleh Perdana Menteri dan kami anyamkan idea itu melalui Jelajah Puisi Merdeka Keluarga Malaysia," katanya ketika ditemui media.

Beliau yang terkenal dengan panggilan Bung Zaman berkata, bagi penganjuran fasa dua dan fasa tiga yang sedang dirancang, ia akan melibatkan sebanyak 14 universiti awam yang mewakili

setiap negeri di Malaysia.

"Kami akan menyediakan lima penyair dan dua penyanyi puisi bagi setiap acara ini dan mempunyai harapan yang besar kepada pelajar agar dapat menghasilkan puisi.

"Program ini perlu dijadikan acara tahunan semasa menjelang ataupun menyambut kemerdekaan negara kerana puisi merang-

kumi seluruh warganegara," katanya.

Beliau berkata, bentuk acara akan diubah untuk fasa kedua dan ketiga dengan penglibatan daripada wakil atau penggiat media, penyertaan warga emas dan anak-anak istimewa bagi memeriahkan lagi acara serta melambangkan Keluarga Malaysia yang sejati.

Pihaknya juga merancang

untuk mengumpul puisi-puisi ciptaan sendiri hasil karya peserta yang dideklamasikan sepanjang jelajah program ini dan akan dijadikan buku antologi puisi.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS Prof. Madya Dr. Raman Noordin dan Ketua Pustakawan UMS Md Sazali Md Salleh.